



8 Oktober 2021
8 October 2021
P.U. (A) 383

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 3) 2021

MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (NO. 3) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 3) 2021

BAHAWASANYA menurut Perkara 43 dan 43A Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang pertama Jadual sebagai Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri Kerajaan Persekutuan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 3) 2021.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada tarikh pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang pertama Jadual kepada gelaran dan nama jawatan yang dinyatakan dalam ruang kedua berhubung dengan jabatan dan perkara yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab kepada orang itu dalam ruang ketiga.

Fungsi-fungsi Menteri

2. (1) Diberitahu bahawa orang yang dinamakan dalam ruang pertama Jadual hendaklah mempunyai gelaran dan nama jawatan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam Jadual.

(2) Orang yang namanya disebut dahulu dalam ruang pertama Jadual berhubung dengan mana-mana jabatan atau perkara yang dinyatakan dalam ruang ketiga yang bersetentangan dengan namanya hendaklah menjadi orang yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi jabatan atau perkara itu dan hendaklah dibantu oleh orang yang namanya terdapat di bawah nama orang yang mula-mula disebut itu dalam ruang pertama.

Pembatalan

3. (1) Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2021 [P.U. (A) 343/2021] dibatalkan.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, hendaklah terus menjadi Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab mengenai—

- (a) apa-apa fungsi yang tidak ditugaskan secara khusus kepada mana-mana Menteri di bawah Perintah ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; dan
- (b) mana-mana jabatan Kerajaan Persekutuan yang tidak ditugaskan secara khusus kepada mana-mana Kementerian di bawah Perintah ini,

sehingga fungsi atau jabatan itu ditugaskan kepada mana-mana Menteri atau Kementerian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kecualian dan peralihan

4. (1) Jika terdapat sesuatu sebutan tentang seseorang Menteri dengan sesuatu gelaran atau nama jawatan tertentu dalam mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan mana-mana fungsi di bawah undang-undang bertulis itu dan gelaran atau nama jawatan itu diubah melalui Perintah ini, sebutan itu hendaklah disifatkan sebagai sebutan tentang Menteri dengan gelaran atau nama jawatan yang baharu itu.

(2) Jika terdapat sesuatu sebutan tentang seseorang Menteri dengan sesuatu gelaran atau nama jawatan tertentu dalam mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan mana-mana fungsi di bawah undang-undang bertulis itu dan fungsi itu telah dipindahkan melalui Perintah ini kepada seorang Menteri yang lain, sebutan itu hendaklah disifatkan sebagai sebutan tentang Menteri yang kepadanya fungsi itu telah dipindahkan.

JADUAL

MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN FUNGSI-FUNGSI MEREKA

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan/ Tarikh Pelantikan</i>	<i>Jabatan/Perkara</i>
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob	Perdana Menteri/ 21 Ogos 2021	Jabatan Perdana Menteri:
Datuk Seri Panglima Dr. Johnity @ Maximus bin Ongkili	Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak)/ 30 Ogos 2021	Yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab mengenai jabatan/perkara seperti yang berikut: Jabatan Peguam Negara (AGC)
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed	Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)/ 30 Ogos 2021	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP)
Datuk Dr. Hj Abd Latiff bin Ahmad	Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas)/ 30 Ogos 2021	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar	Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)/ 30 Ogos 2021	Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan
		Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
		Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
		Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)
		Biro Pengaduan Awam (BPA)
		Institut Integriti Malaysia (IIM)

<i>Nama</i>	<i>Gelaran dan Nama Jawatan/ Tarikh Pelantikan</i>	<i>Jabatan/Perkara</i>
Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad	Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)/ 30 Ogos 2021	Suruhanjaya Integriti dan Penguatkuasaan (SIAP) Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC)
Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas)/ 30 Ogos 2021	Bahagian Penyelidikan Bahagian Perlindungan Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA)
Dato' Eddin Syazlee bin Shith	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)/ 30 Ogos 2021	Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan (BKPP)
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)/ 30 Ogos 2021	Pejabat Urus Setia Bekas Perdana Menteri Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak
Dato Hajah Hanifah Hajar Taib	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak)/ 30 Ogos 2021	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) Majlis Keselamatan Negara (MKN)